

apabila diberitahu kepadanya terlebih dahulu tetapi bukan dengan bayaran 274 riyal itu kerana umum mengetahui di dalam musim haji semua orang mahu berhimpun berhampiran dengan Masjidil Haram dan kalau boleh tidur di sisi Ka'bah setiap hari.

Kalaulah tidak ada shaykh yang dituju bagi menampung orang-orang haji yang datang itu dan orang-orang haji mencari tempat sendiri – dengan bayaran 274 riyal buat berteduh selama tiga bulan baharulah orang-orang mengetahui bagaimana peritnya dan bagaimana susahnya layanan-layanan orang-orang yang melayan orang-orang haji itu.

En. Yusuf mungkin tidak menyedari hal ini dan mungkin pula apabila membongkar soal-soal ini ada tujuan di sebalik ucapan itu yaitu harus supaya beliau sendiri diberi peluang melihat dan memeriksa keadaan itu atau pun ada perkara-perkara yang tidak senang terhadap kepada duta Malaysia yang bertugas di kerajaan *'Arabiyyah Sa'ūdiyyah*.

Kesenangan yang didapat dalam menunaikan haji adalah bergantung kepada kemampuan seseorang. Kalau sampai di Jeddah tinggal di hotel besar pun boleh, hotel sederhana pun ada dan shaykh-shaykh tidak memaksa seseorang tinggal di *Madinah al-Haji* (tempat tumpangan orang-orang haji) yang tidak ada bayaran apa-apa kerana sudah termasuk daam wang perbelanjaan 274 riyal. Di Mekah juga ada hotel, tidak jauh dari Masjidil Haram. Di Madinah juga banyak hotel, sedang bayarannya mulai 10 sampai 50 riyal pun ada buat sehari semalam. Kalau mahu senang tinggal sahaja di sana dan bayaran sendiri, tetapi bagaimana dengan bayaran 274 riyal duduk kurang lebih tiga bulan atau mendapat seperti keadaan di dalam hotel terutamanya dalam musim haji yang berjuta-juta manusia datang?

Kita tidak berniat untuk membela shaykh-shaykh Mekah

terutamanya shaykh-shaykh yang terlibat bersama-sama diburuk-burukkan pada hal mereka orang yang baik dan di antaranya ada orang-orang yang soleh. Kita tulis rencana ini kerana menghendaki orang-orang kita berfikir terutamanya bakal-bakal haji mengetahui jangan mereka sebelum sampai di Mekah sudah dijual dari sini lagi. Kalau mahu senang bawa perbelanjaan lebih dan cari tempat yang rehat sendiri. Begitulah yang lazim dibuat oleh orang-orang yang mahu kesenangan di dalam pelayaran.

* * *

Menyambut Ramadān al-Mubārak

Bulan puasa hampir tiba dan tiap-tiap kaum Muslimin diwajibkan dikecualikan uzur. Di dalam mengucapkan selamat berpuasa kepada sekalian Ikhwan al-Muslimin – semoga puasa kita kelak diterima Allah.

Bagi mereka yang uzur yang tidak dapat berpuasa maka adalah kita sangat-sangat berharap supaya dapat kiranya menjaga diri, mengawal akhlak Islam yaitu janganlah hendaknya ada di antara kita yang seolah-oleh mencabar kemuliaan berpuasa iaitu dengan makan atau merokok di tempat yang terdedah di hadapan umum – kalau pun uzur, atau pun di dalam musafir, janganlah dengan kelulusan itu kita berdedah di hadapan umum makan atau merokok kerana dengannya akhlak Islam akan dipandang kurang baik.

Hormatilah agama – dan kehormatan agama itu tidak akan didapati melainkan kita sendiri, tiap-tiap umat Islam atau orang-orang yang mengaku Islam menjaga kehormatan dirinya.

Kita tidak menulis di sini tentang hikmah menunaikan puasa tetapi kita hanya memperingatkan perkara yang tersebut supaya diperhati dan dikawal oleh umat Islam sendiri.